

PERSIDANGAN SIDANG MUDA 2024

Pemberitahuan Usul

DEWAN INI MENGGESA KERAJAAN NEGERI MENCONTOHI SINGAPURA DALAM MENANGANI ISU KEBERGANTUNGAN SUMBER AIR MENTAH

Assalamualaikum WBT. Terima kasih Tuan Yang Dipertua dan juga ahli-ahli Yang Berhormat sekalian kerana memberi saya peluang untuk memulakan sesi perbahasan usul kita pada hari ini. Seperti apa yang dapat kita lihat, dalam usaha membangunkan Pulau Pinang sebagai negeri yang berkembang, berdaya maju dan memenuhi keperluan sosial masyarakat, kita masih dibelenggu dengan satu masalah besar.

Tuan Yang Dipertua,

Mengikut statistik semasa, penggunaan air secara purata bagi seorang penduduk Pulau Pinang dicatatkan sebanyak 307 liter per kapita sehari sekali gus meletakkan kita sebagai negeri pengguna air terawat tertinggi di Malaysia, bahkan kadar penggunaan tersebut adalah dua kali ganda berbanding Singapura pada tahun lepas. Tambahan pula, kawasan-kawasan di Pulau Pinang ini semakin pesat membangun bermula dari perumahan, komersial dan industri. Keadaan ini sudah pasti menuntut Kerajaan Negeri dalam membekalkan sumber air bersih yang berterusan dan mencukupi.

Pada ketika ini, melihat kepada faktor geografi dan sumber air semula jadi negeri yang sangat terbatas, negeri Pulau Pinang terpaksa bergantung sebanyak 80 peratus daripada Sungai Muda, Kedah untuk membekalkan air setiap hari kepada pengguna negeri Pulau Pinang. Bahkan kini Kerajaan Negeri sedang menyusuli cadangan Penang-Perak Water Project dengan Kerajaan Negeri Perak kerana projek pemindahan air ini berupaya untuk membantu menampung keperluan air sehingga 2050.

Jika kita analisis bersama, situasi yang dihadapi Pulau Pinang cukup sinonim dengan masalah yang dihadapi oleh Singapura, di mana mereka juga terpaksa

bergantung sumber air dari Johor, Malaysia bagi memenuhi keperluan negara mereka. Namun begitu, sejak 10 tahun kebelakangan ini, Singapura telah mengambil pelbagai pendekatan baru dalam membekalkan air bersih dengan harapan dapat mengurangkan kadar kebergantungan air import dari Malaysia. Oleh itu, sebelum menjelang tahun 2050, inilah masanya untuk kita menggesa Kerajaan Negeri agar mencontohi Singapura daripada terus bergantung dan berkongsi sumber air dengan negeri-negeri jiran.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mencadangkan agar Kerajaan Negeri menerusi Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) merangka dan mengimplementasikan pelan Singapura yang dikenali sebagai Singapore National Taps (dengan izin Tuan Yang Dipertua). Pelan ini mengubah cara Singapura daripada bergantung kepada air import semata-mata kepada tiga lagi alternatif baru dan tentunya boleh dikembangkan secara meluas di Pulau Pinang.

Pembaharuan Sistem Tadahan Air

Dengan keluasan 121km², Pulau Pinang tidak mempunyai ruang semulajadi yang banyak untuk mengumpul air hujan. Dengan mencontohi Singapura, kita boleh membina kawasan takungan buatan berkonsepkan taman tasik beserta dua sistem saliran berasingan masing-masing untuk mengumpul air hujan secara menyeluruh dan membawa air kumbahan ke loji rawatan air.

Memaksimumkan penggunaan air sisa terawat (NEWater)

Berdasarkan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Pulau Pinang hanya mampu merawat air sisa 200 juta liter air sehari sahaja. Kejayaan Singapura dalam mengembangkan sistem canggih untuk mengolah kumbahan yang melibatkan rangkaian terowong dan kilang berteknologi tinggi wajar dicontohi memandangkan kadar penghasilan air sisa negeri kita sangat tinggi.

Penyahgaraman Air Laut

Sesuai dengan kedudukan Pulau Pinang yang dikelilingi air laut, banyak kawasan yang sesuai bagi pembinaan loji penyahgaraman air laut yang membolehkan air laut diproses kepada air tulen melalui proses osmosis berbalik. Di samping

membekalkan air bersih secara berterusan, garam laut yang disingkirkan juga boleh dimanfaatkan untuk tujuan lain.

Antara jaminan awal mengenai unjuran positif daripada cadangan ini adalah dengan melihat kejayaan Singapura mengurangkan kebergantungannya terhadap Malaysia dalam 10 tahun kebelakangan ini. Menurut agensi air di Singapura, air buangan kitar semula kini dapat memenuhi 40 peratus permintaan air Singapura dan dijangka meningkat menjadi 55 peratus menjelang 2060. Bahkan menurut kajian oleh Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang dan Indah Water Konsortium sendiri mengakui langkah ini boleh meningkatkan bekalan air di Pulau Pinang sehingga 260 juta liter sehari (MLD), bersamaan 30 peratus daripada penggunaan semasa pada tahun lepas.

Tuan Yang di-Pertua,

Selain itu, sistem ini membantu mengurangkan pencemaran akuatik, kerana hanya sebilangan kecil air yang dirawat dibuang semula ke laut. Hal ini berbeza dengan kebanyakan negeri lain, 80 peratus sisa air mengalir kembali ke ekosistem tanpa dirawat atau digunakan kembali. Malah, kita tidak perlu lagi risau sekiranya Sungai Muda mengalami pemendapan selut pada masa akan datang yang boleh menjejaskan kira-kira 80 peratus sumber air ke Pulau Pinang. Cadangan ini juga membantu meningkatkan bekalan air minum walaupun pada musim kemarau.

Secara rangkuman, saya yakin cadangan dan gesaan ini mampu mengurangkan kebergantungan kita terhadap negeri lain dan menjadikan negeri Pulau Pinang sentiasa bersedia dengan segala kemungkinan berkaitan krisis air ini. Akhir kata, jangan sampai negeri kita diibaratkan “unggur rebah, belatuk menumpang mati”.

Sekian, terima kasih.

Muhammad Allif Danish Bin Mohd Zulfazli

N26 Padang Kota

Sidang Muda 2024